

DATO' HAJI ABDUL HAK @ ABDUL GHANI ABDULLAH : PENGLIBATAN DAN GAYA BACAAN DALAM SENI LAGU AL-QURAN

Mohd Zaini Zakaria (Penulis bersama)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60125899814, E-Mel: zaini@usim.edu.my

Khairul Anuar Mohamad, USIM

Adnan Mohamed Yusoff, USIM

Norazman Alias, USIM

Abstrak

Kertas kerja ini merupakan suatu penulisan tentang seni lagu al-Quran yang menjurus kepada biografi, penglibatan serta sumbangan seorang personaliti tokoh *qari* terkenal di negeri Kedah yang mewakili beberapa era iaitu Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah. Selain itu kertas kerja ini juga turut menyentuh tentang gaya bacaan beliau dalam seni lagu al-Quran. Sepertimana yang diketahui umum bahawa negeri Kedah merupakan salah sebuah negeri yang begitu menonjol dalam seni lagu al-Quran di Malaysia melalui beberapa kejayaan yang telah dilakar oleh *qari-qari* yang tersohor dari negeri tersebut pada suatu ketika, namun begitu tiada sebarang penulisan dilakukan untuk mendokumentasi biografi serta sumbangan mereka ini selain dari mengkaji tentang setiap gaya bacaan mereka berikutan transformasi ilmu seni lagu al-Quran yang semakin berkembang. Justeru penulisan ini telah menyelidiki beberapa aspek yang telah dikemukakan berkaitan dengan penglibatan dan gaya bacaan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah. Penulisan ini telah menggabungkan antara kajian kepustakaan dan lapangan di mana metode yang digunakan untuk pengumpulan data dalam penulisan ini adalah berdasarkan maklumat pendokumentasian data, temubual, pemerhatian dan penelitian terhadap beberapa rakaman bacaan beliau. Dapatan daripada kajian telah menunjukkan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah telah memainkan peranan yang begitu besar dalam perkembangan seni lagu al-Quran khususnya di negeri Kedah bukan sekadar sebagai seorang *qari* sahaja malah sebagai seorang juri penghakiman, panel dan fasilitator berkaitan seni lagu al-Quran. Dari segi gaya bacaan pula terdapat keseimbangan dari segi perbezaan dan persamaan dalam nada suara, pembawaan lagu serta alunan burdah. Melalui gaya bacaan beliau ini telah meniggalkan legasi warisan terhadap perkembangan seni lagu al-Quran di negeri Kedah khususnya dari sudut pembacaan *qari*.

Kata Kunci: Dato' Haji Abdul Hak, Gaya Bacaan, Seni Lagu Al-Quran

Pengenalan

Kedah adalah sebuah negeri yang terletak di utara semenanjung Malaysia dikatakan antara negeri terawal menerima kedatangan Islam. Namun demikian tarikh sebenar Islam bertapak di Kedah tidak dapat dipastikan dengan tepat, tetapi secara umumnya dapat diandaikan bahawa Islam telahpun diperkenalkan di Kedah selewat-lewatnya dalam abad ke-9 Masihi (Ahmad Jelani, 1990).

Mengikut Sejarah Kedah, raja Kedah yang pertama memeluk agama Islam ialah Maharaja Derbar Raja II. Baginda dikatakan telah diislamkan oleh seorang ulama dari Yaman bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Qaumiri dalam tahun 1136 Masihi (513 Hijrah). Setelah memeluk Islam nama baginda ditukar sebagai Sultan Muzaffar Shah kemudian diikuti oleh seluruh pembesar dan rakyat jelata (Razali Buyong, 1980 & Muhammad Hasan, 1968).

Dengan kedatangan Islam ke Kedah ini, maka pembacaan al-Quran menjadi asas utama pensyariat Islam kepada masyarakat setempat. Pembudayaan al-Quran bukan sahaja dari segi pembacaan semata-mata malahan sampai ke tahap penerapan nilai seninya sekali terutamanya berkaitan dengan seni lagu al-Quran dari generasi ke generasi seterusnya.

Menurut beberapa sumber yang dikenal pasti, sejarah seni lagu al-Quran bermula di Kedah sejajar dengan pembukaan Masjid Zahir di Alor Setar pada tahun 1910 Masihi bersamaan dengan 1331 Hijrah. Bermula di sinilah sejarah membaca al-Quran secara besar-besaran yang mengadaptasikan nilai-nilai seninya sekali di negeri Kedah semasa pemerintahan Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin al-Mukaram Shah bersama adinda baginda Almarhum Tuanku Mahmud ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin al-Mukaram Shah sebagai Yang di Pertua Majlis Mesyuarat Negeri Kedah di mana baginda sangat mengambil berat dan memerintah agar diadakan bacaan al-Quran pada setiap malam bulan Ramadhan di masjid berkenaan (Masjid Zahir) (Abdullah Afendi Ismail, 1965).

Dengan pembukaan Masjid Zahir ini beberapa pertandingan membaca al-Quran telah diadakan kepada pelbagai peringkat dari peringkat dewasa, wanita serta kanak-kanak dengan tujuan untuk mempertingkatkan mutu pembacaan al-Quran di kalangan umat Islam di negeri itu. Setiap peserta diperiksa bacaannya dari segi tajwid, lagu, suara, adab dan makhraj oleh barisan jemaah pengadil yang diketuai oleh Allahyarham Syeikh Ismail Haji Salleh, pengerusi Maj' ma Syeikh al-Islam Kedah (Dato' Ahmad Nordin, t.t).

Bermula daripada pembukaan Masjid Zahir serta penganjuran majlis tilawah al-Quran maka seni lagu al-Quran secara tidak langsung muncul dan berkembang di Kedah dari masa ke semasa. Bidang seni lagu al-Quran di Kedah begitu menyerlah sekali pada awal tahun 1920-an. Ini berikutan kedatangan seorang tokoh qari terkemuka dari Mesir ke negeri ini iaitu Syeikh Ibrahim bin Yusuf al-Ibyari (1863-1970)²⁰⁰ untuk mengajar al-Quran kepada masyarakat negeri tersebut khususnya

²⁰⁰ Syeikh Ibrahim bin Yusuf al-Ibyari merupakan seorang ulama dan tokoh qari terkemuka dari Mesir. Beliau dilahirkan di pada tahun 1863 Masihi bersamaan 1282 Hijrah di sebuah perkampungan bernama *Ibyar* yang terletak 80 batu dari bandar Kaherah Mesir. Beliau telah berhijrah ke Mekah semasa umur beliau mencecah 22 tahun dan menjadi guru agama di Madrasah al-Falah, Mekah. Setelah itu beliau berhijrah ke Rangoon, Burma seterusnya ke Singapura di mana beliau telah dilantik sebagai guru agama di Madrasah al-Junid selama setahun. Setelah setahun berkhidmat di Singapura,

berkaitan dengan seni lagu al-Quran. Beliau pada mulanya adalah seorang guru al-Quran di Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang kemudiannya telah diundang oleh Kerajaan Kedah untuk berkhidmat sebagai Imam Besar Masjid Zahir serta menjadi Guru Pelendit (memperelok) al-Quran (Dato' Ahmad Nordin, t.t).

Melalui hasil usaha gigih beliau inilah, pencapaian para qari dan qariah begitu cemerlang sekali seterusnya meletakkan negeri Kedah sebagai salah sebuah negeri yang terawal mempelopori bidang seni lagu al-Quran di Malaysia (Mohd Zaini Zakaria, 2009).

Penglibatan Qari-Qari Kedah Dalam Seni Lagu Al-Quran

Penglibatan qari-qari Kedah dalam bidang seni lagu al-Quran bermula semenjak Islam muncul di negeri ini lagi di mana al-Quran menjadi panduan utama dalam penyariatian Islam. Istana menjadi tempat utama dalam penyebaran al-Quran serta penerapan unsur-unsur seni dan budaya seperti seni lagunya. Jesteru itu, muncullah beberapa Qari-qari Diraja yang terkenal menjadi pencetus kepada perkembangan seni lagu al-Quran ini seperti Allahyaryam Tuan Haji Muhammad Ribat yang masyhur dengan kelunakan suaranya. Namun begitu penglibatan menyeluruh para qari negeri Kedah dapat dilihat dalam era 1920-an bersempena dengan pembukaan Masjid Zahir serta penganjuran majlis tilawah al-Quran yang dianjurkan oleh Kerajaan Kedah. Faktor inilah menjadi pemangkin utama kepada perkembangan seni lagu al-Quran di negeri di mana para qari menggayakan beberapa jenis lagu besesuaian dengan suasana pembacaan ketika itu (Mohd Zaini Zakaria, 2009).

Menurut Dato' Kasim Haji Ahmad (2007) yang merupakan salah seorang tokoh qari serta juri bahagian lagu majlis tilawah al-Quran negeri Kedah, para qari ketika itu hanya mengadaptasikan aliran seni lagu *Hijazi* sahaja, dimana nada pembacaan al-Quran lebih bermirip pembacaan *rawi* sahaja (corak pembacaan seperti pembacaan berzanji) tanpa mempunyai nada, rentak dan irama yang khusus sepertimana seni lagu yang ada pada masa kini. Pembacaan masa itu lebih bersifat kepada nada kekerasan mengikut suasana alunan padang pasir yang menjadi elemen utama dalam aliran *Hijazi*. Hal demikian mungkin disebabkan pengaruh ulama Hijaz atau lulusan agama dari tanah Hijaz (Mekah dan Madinah) menjadi rujukan utama dalam seni lagu al-Quran di Kedah pada ketika itu.

Setelah kedatangan Syeikh Ibrahim bin Yusuf al-Ibyari corak seni lagu al-Quran semakin berubah dari nada yang bersifat kekerasan kepada alunan nada yang bersifat kelembutan. Hal demikian disebabkan pengenalan aliran Misri terhadap seni lagu al-Quran oleh Syeikh Ibrahim bin Yusuf al-Ibyari kepada masyarakat khususnya kepada qari-qari di Kedah pada ketika itu (Dato' Ahmad Nordin, t.t).

Menurut Mohd Nasir Mohd Zain (1990), perkembangan seni lagu al-Quran telah menyebabkan Kedah melahirkan ramai para qari dalam bidang ini tahun demi tahun. Hal demikian lahir lah beberapa orang qari terkenal pada 1910 hingga 1930, antaranya ialah:

1. Haji Ku Saari dari Bukit Patung

beliau kemudiannya datang ke Pulau Pinang seterusnya berkhidmat sebagai guru al-Quran dan Tajwid di Madrasah al-Masyhur selama setahun. Semasa Allahyarham Wan Sulaiman bin Wan Siddiq menjadi *Syaikh al-Islam* Kedah, Syeikh Ibrahim bin Yusuf al-Ibyari telah diundang untuk berkhidmat di Kedah sebagai Imam Besar Masjid Zahir dan Guru Pelendit al-Quran pada tahun 1920 (1340 H). Beliau meninggal pada tahun 1970 ketika berusia 92 tahun.

2. Haji Tahir dari Yan
3. Haji Ahmad Sharif dari Kuala Muda
4. Haji Ku Abdullah dari Yan
5. Haji Hashim Musa (bapa kepada Allahyarham Dato Haji Ismail bin Hashim) dari Seberang Perak

Manakala qari-qari terkenal era 1930 hingga 1950, antaranya ialah:

1. Haji Abdul Wahab Ahmad (Wahab Melayu) dari Kuala Kedah
2. Haji Zakaria Arifin dari Sanglang
3. Haji Zakaria Abdul Rahman dari Kubang Rotan
4. Haji Mahmud Jaafar dari Tokai
5. Haji Mahmud Shafie dari Sanglang.

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu dari pihak British pada tahun 1957, muncul beberapa qari-qari tersohor di Kedah antaranya ialah:

1. Haji Abdul Hamid Desa dari Tandop
2. Haji Abdul Rahman Arshad dari Tandop
3. Ismail Yaakob dari Baling.

Pada tahun 1960 hingga 1990 merupakan zaman kegemilangan seni lagu al-Quran di Kedah kerana telah melahirkan beberapa tokoh qari terkenal bukan sekadar dalam negeri sahaja bahkan di peringkat antarabangsa antaranya ialah:

1. Dato' Haji Ismail Haji Hashim
2. Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah
3. Dato' Haji Kasim Haji Ahmad
4. Haji Jaafar Abdullah
5. Haji Kamaluddin Saad
6. Haji Abdullah Sirajuddin Ahmad.

Manakala barisan qari-qari yang ada pada era 1990-an hingga kini adalah barisan pelapis daripada qari-qari tersohor di negeri Kedah ketika itu antaranya ialah:

1. Haji Othman Azumi Ahmad
2. Haji Hashim Abd Ghani
3. Haji Abd Samad Abd Wahab
4. Haji Hashim bin Said
5. Abd Razak Hassan
6. Mohd Termizi Mustafa
7. Alauddin Abdul Hak.

Biografi Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah

Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah adalah suatu nama yang tidak asing lagi dalam arena seni lagu al-Quran. Kemahsyuran beliau ini bukan setakat di Malaysia sahaja bahkan di persada antarabangsa. Anak kelahiran Kedah ini merupakan salah seorang tokoh qari yang terkenal di tanah kelahirannya bersama tokoh-tokoh qari yang lain seperti Allahyarham Dato' Haji Ismail Haji Hashim, Allahyarham Haji Abdul Hamid Desa, Dato' Haji Kasim Ahmad serta ramai lagi dalam era 60-an hingga 80-an.

Beliau dilahirkan pada 15 Jun 1942 di Kampung Batu Hampar, dalam daerah Pendang. Di tempat kelahirannya itulah beliau dibesarkan dan kini menetap di Kampung Batu Hampar Kanan, dalam daerah yang sama. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajjah Juhariah Mahamud pada tahun 1965 dan dikurniakan enam orang anak iaitu Norhayati, Alauddin, Adillah, Amiluddin, Azra'ie dan Ainul Husna. Kesemua anaknya telahpun berumah tangga kecuali Ainul Husna yang masih menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Abdul Hak, 2007).

Abdul Hak atau lebih dikenali dengan nama Abdul Ghani mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pendang hingga tamat darjah lima. Kemudian beliau menyambung pengajian di Pondok Kampung Batu Hampar, Pendang atau lebih dikenali dengan nama Pondok Tok Guru Haji Hamid selama beberapa tahun.

Bertitik tolak daripada pendidikan pondok inilah yang menyuntik minat dan semangat beliau dalam bidang al-Quran khususnya dalam bidang seni lagu al-Quran menyebabkan beliau merantau ke pelusuk negeri untuk menimba ilmu. Sewaktu usia beliau mencecah 17 tahun, beliau mendapat pendedahan dalam seni lagu al-Quran oleh Allahyarham Haji Kamaluddin Haji Saad di Tambak Bunga yang merupakan salah seorang pakar seni lagu al-Quran ketika itu. Selain itu juga, beliau juga pernah berguru dengan beberapa orang tokoh qari di negeri Kedah antaranya seperti Allahyarham Dato' Haji Ismail bin Haji Hashim, Allahyarham Haji Abdul Hamid Desa dan Haji Abdul Rahman Kuala serta Allahyarham Haji Abdul Somad (Mohd Zaini Zakaria, 2009).

Menurut Dato' Haji Abdul Hak (2007), beliau pada asalnya merupakan seorang petani dan penoreh getah untuk menyara kehidupan keluarganya. Namun setelah beliau menunjukkan bakat dalam bidang seni lagu al-Quran apatah lagi dapat mengharumkan nama negeri beliau ditawarkan jawatan sebagai penyelia zakat negeri Kedah pada tahun 1972 sehinggalah beliau bersara pada tahun 1997. Setelah bersara daripada agensi kerajaan ini beliau meneruskan kerja sampingan beliau sebagai guru al-Quran untuk mengajar masyarakat setempat khususnya dalam bidang seni lagu al-Quran di samping usaha beliau sebagai seorang petani.

Menurut beliau lagi selain daripada mengajar al-Quran kepada masyarakat, beliau juga turut memenuhi undangan masyarakat setempat bersama beberapa orang rakan dalam acara berzanji dan marhaban untuk majlis keraian sebagai tuntutan fardu kifayah (Abdul Hak, 2007).

Penglibatan Dan Sumbangan Dalam Seni Lagu Al-Quran.

Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani mula membabitkan diri dalam seni lagu al-Quran pada awal tahun 1960 ketika berusia 18 tahun di mana beliau menyertai pertandingan Majlis Tilawah al-Quran peringkat daerah Pendang dengan mendapat tempat pertama (Abdul Hak, 2007).

Bermula daripada penyertaan pertama beliau ini telah menyuntik semangat Tuan Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani untuk menyertai pertandingan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi di mana beliau telah menyertai peringkat wilayah dalam majlis tilawah al-Quran sebelum menyertai peringkat negeri pada tahun 1966 ketika berusia 24 tahun. Pada tahun 1967 beliau pertama kalinya memenangi majlis tilawah al-Quran peringkat negeri Kedah dan naib johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan seterusnya mencipta nama di persada antarabangsa apabila menjadi johan qari Majlis

Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-9 pada tahun yang sama. Pembabitan beliau di peringkat negeri Kedah dalam Majlis Tilawah Al-Quran begitu ketara sekali di mana beliau telah dinobatkan sebagai johan sebanyak dua belas kali iaitu pada tahun 1967,1968,1971,1972,1975,1976,1977,1980,1982,1984,1987 dan yang terakhir pada tahun 1992 (Majlis Agama Islam Kedah, 2007).

Di peringkat kebangsaan pula beliau telah dinobatkan sebagai johan qari sebanyak lima kali iaitu pada tahun 1972,1977,1978,1980 dan 1982. Manakala peringkat antarabangsa beliau telah memegang gelaran johan qari sebanyak empat kali bermula pada tahun 1967,1972,1980 dan 1982. Penglibatan beliau ini bukan sahaja mengharumkan nama negeri Kedah bahkan negara Malaysia amnya di persada antarabangsa dalam seni lagu al-Quran.

Jasa dan sumbangan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani begitu besar sekali dalam persada seni lagu al-Quran di negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya. Atas kelebihan dan kepakaran dalam bidang ini, beliau telah menabur budi kepada pelbagai lapisan masyarakat baik dari peringkat dewasa mahupun remaja yang meminati bidang seni lagu al-Quran di setiap daerah pelusuk negeri Kedah bahkan hingga ke Perlis (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007).

Daripada usaha dan sumbangan beliau inilah muncul beberapa tokoh qari dan qariah yang terkenal di tanahair antaranya Haji Othman Azumi b. Ahmad, Haji Abdul Razak Hassan, Haji Pisol bin Yusob, Ismail Mat Isa, Haji Ghazali, Mohd Termizi Mustafa, Hajjah Halimah Jusoh, Hajjah Aishah Mustafa, Hajjah Habsah Mustafa, Hajjah Sobariyah Abd Hamid, Hajjah Sobiroh Mohd Zain, Hajjah Sarina Che Yahya serta ramai lagi. Turut tidak ketinggalan dua orang anak beliau sendiri iaitu Alauddin Abdul Hak yang pernah menjadi naib johan negeri Kedah pada tahun 2002 serta johan kebangsaan Majlis Tilawah al-Quran peringkat warga Pendidikan Malaysia tahun 2005. Manakala anaknya Azra'ie Abdul Hak yang pernah menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi negeri Melaka pada tahun 2003, 2004 dan 2007 serta finalis program realiti Akademi al-Quran musim pertama anjuran TV 9 pada tahun 2006 (Abdul Hak, 2007).

Selain itu beliau juga turut menyumbangkan suara untuk rakaman bacaan ayat-ayat suci al-Quran kepada beberapa stesen radio tempatan selain kepada syarikat rakaman. Paling ketara beliau turut menyumbangkan bacaan al-Quran ke negara-negara asing seperti, Kuwait, Bangladesh, Indonesia dan Arab Saudi pada tahun 1969 atas jemputan negara-negara tersebut (Mohd Zaini Zakaria, 2009).

Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani juga telah dipilih sebagai fasilitator kepada Kursus Tahsin al-Quran sama ada di peringkat negeri Kedah mahupun kebangsaan sebagai pemantapan bacaan al-Quran kepada qari dan qariah tanahair sebagai persediaan untuk ke majlis tilawah al-Quran. Selain itu beliau juga turut dipilih sebagai juri Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 2005 dan 2006 dalam bahagian fasohah oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Abdul Hak, 2007).

Atas jasa dan sumbangan beliau yang begitu besar terhadap bidang seni lagu al-Quran, Tuan Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani telah dianugerahkan tokoh Ma'al Hijrah peringkat negeri Kedah pada tahun 2006 dan beberapa pingat kebesaran negeri antaranya pingat Setia Diraja Kedah (SDK) dan pingat Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) oleh Sultan Kedah Darul Aman, Almarhum Tuanku Al-Haj Sultan Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Beliau juga turut dikurniakan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

yang ke-7 ketika itu, iaitu Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah ibni al-Marhum Sultan Abu Bakar Riyatuddin al-Muazam Shah (Alaudin Abdul Hak, 2008). Pada tahun 2011, beliau telah dianugerahkan pingat Darjah Dato' Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) yang membawa gelaran Dato' oleh Sultan Kedah Darul Aman, Almarhum Tuanku Al-Haj Sultan Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Gaya Pembacaan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah

Gaya pembacaan merupakan suatu aspek utama dalam seni lagu al-Quran untuk melambangkan suatu identiti seorang qari dari sudut kemahiran serta keistimewaan. Hal demikian turut dimiliki oleh Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah sebagai seorang qari terkenal di negeri Kedah dalam era 1960-an. Pada era tersebut, aliran seni lagu *Misri* telah mendominasi perkembangan aliran seni lagu al-Quran yang lain seperti aliran *Hijazi*. Namun begitu pendominasian ini tidaklah begitu menyeluruh hinggalah berlaku peminggiran terhadap aliran *Hijazi*. Ini kerana terdapat percampuran antara unsur-unsur aliran *Misri* dan *Hijazi* dalam setiap gaya pembacaan qari-qari di Kedah termasuklah pembacaan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah sendiri.

Secara khususnya gaya pembacaan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah boleh diukur dengan tiga elemen penting dalam sesuatu pengukuran gaya pembacaan seseorang qari iaitu:

1. Nada suara dalam pembacaan al-Quran.
2. Pembawaan lagu-lagu dalam pembacaan al-Quran
3. Alunan burdah sesuatu lagu dalam pembacaan al-Quran.

i) Nada suara dalam pembacaan al-Quran.

Dari segi nada suara Tuan Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah, beliau mempunyai keseluruhan *Tabaqat* suara yang bersesuaian dari peringkat rendah iaitu *tafaqat* yang rendah (*Qarar*) yang berpaksikan dari suara dada sehinggalah ke peringkat yang tertinggi iaitu *Jawab al-Jawab* yang berpaksikan rongga otak. Ini dapat dilihat dalam setiap pembacaan beliau sama ada melalui pertandingan, pengajaran serta beberapa rakaman pembacaan beliau (Inteam Record Sdn.Bhd., 2007). Hal demikian diakui oleh ramai para qari yang mengenali dan mengikuti setiap gaya pembacaan beliau.

Menurut Dato' Haji Kassim Ahmad (2007), salah seorang juri bahagian lagu Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Kedah dan salah seorang tokoh qari negeri Kedah era 70-an hingga 80-an, suara Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah adalah sesuatu anugerah istimewa yang jarang dimiliki oleh para qari yang lain dalam menggayakan sesuatu seni bacaan al-Quran. Menurut beliau lagi keistimewaan ini telah mendapat beberapa sanjungan dan pujian dari beberapa orang tokoh qari tempatan dan antarabangsa yang mengatakan bahawa suara Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah sebagai "suara dari langit" (الصوت من السماء).

Melalui keistimewaan nada suara ini, beliau mampu mengimbangi setiap ketepatan sesuatu alunan sama ada dari segi pembawaan lagu-lagu dan alunan *burdah* supaya lebih kemas, manis, licin, bersih, tidak serak, lantang dan tajam. Namun begitu dari segi ketepatan *makhraj* huruf berdasarkan kepada hubungan nada suara dengan lajhah, terdapat sedikit sahaja percampuran dengan lajhah kemelayuan

tetapi tidak menjejaskan kandungan sesuatu ayat al-Quran sama ada dari segi *tajwid,fasohah* dan maknanya.

ii) Pembawaan lagu-lagu dalam pembacaan al-Quran

Pembawaan lagu-lagu al-Quran oleh Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdulah dalam setiap pembacaan beliau adalah berdasarkan kepada tujuh lagu utama yang terdapat dalam aliran seni lagu *Misri* dan *Hijazi* iaitu:

- i) lagu *Bayyati*
- ii) lagu *Hijaz*
- iii) lagu *Soba*
- iv) lagu *Rast*
- v) lagu *Jiharkah*
- vi) lagu *Sikah*
- vii) lagu *Nahawand*.

Namun begitu hanya lagu *Jiharkah* merupakan lagu yang kurang mendapat tempat dalam setiap pembacaan beliau berbanding dengan lagu lain seperti *Bayyati,Soba,Hijaz,Nahawand,Rast* serta *Sikah* (Abdul Hak, 2007). Menurut anak beliau Alauddin, yang merupakan salah seorang tokoh qari negeri Kedah, antara lagu-lagu popular yang sering dibaca oleh Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdulah adalah lagu *Bayyati, Soba, Nahawand* dan *Sikah* (Alauddin Abdul Hak, 2008).

Daripada temubual dan pemerhatian yang telah dilakukan berkaitan pembacaan Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdulah daripada beberapa sumber, menunjukkan hanya tiga jenis lagu sahaja yang seringkali dibawa dalam suatu pembacaan beliau dan jarangkali empat jenis lagu yang dibawa. Faktor ini disebabkan oleh keadaan seni lagu al-Quran ketika itu yang berkonsepkan bebas serta tidak terikat dengan bentuk peraturan sama ada dalam pengajaran mahupun pertandingan membaca al-Quran dan memudahkan pemahaman masyarakat terhadap seni lagu al-Quran (Mohd Zaini, 2009).

Kenyataan ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Zakaria Ariffin yang merupakan salah seorang juri majlis tilawah al-Quran negeri Kedah dari tahun 1960 hingga 1991, menyatakan bahawa pada tahun berkenaan para qari atau qariah membawa lagu dalam bentuk satu-satu lagu sahaja seperti *Bayyati* kemudian diikuti dengan lagu seperti *Sikah* ataupun *Nahawand* dan sebagainya. Hal ini supaya mudah diketahui oleh masyarakat umum. Menurutnya lagi biasanya qari dan qariah hanya membawa lagu *Bayyati,Hijaz,Sikah* dan *Rast* (Mohd Nasir, 1990).

Antara susunan lagu beliau ialah *Bayyati* diikuti oleh lagu *Soba* atau *Hijaz* seterusnya diikuti oleh lagu *Sikah* ataupun *Nahawand*. Manakala setiap sesuatu lagu beliau seringkali membawa empat hingga lima *Harakat* iaitu iaitu gaya alunan lagu yang tersusun daripada beberapa *qit'ah* dengan *mahattah* yang tertentu dengan menyelitkan sekitar dua hingga tiga versi lagu selingan yang bernaung di bawah sesuatu lagu umpamanya lagu *Bayyati* beliau seringkali menyelitkan versi *Husainniy* dan *Syuri* disamping lagu *Bayyati Asli* (In team Record Sdn. Bhd., 2007).

Harakat lagu yang dialunkan oleh Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdulah mempunyai beberapa *Salalim* sama ada *Nuzul* atau *Su'ud* . Namun dari sudut *Wuslah al-Mumathalah* iaitu suatu

gaya *harakat* yang dicampurkan antara dua irama lagu yang berlainan seringkali terdapat di akhir lagu yang dibawa dengan lagu *Bayyati* versi *Husainiy* sebagai penutup sesuatu pembacaan.
iii) Alunan *burdah* sesuatu lagu dalam pembacaan al-Quran.

Alunan *burdah* sesuatu lagu oleh Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah kebanyakannya berbentuk *asli* di mana ianya adalah getaran semulajadi mengikut nada, rentak dan irama sesuatu lagu tertentu. *Burdah asli* ini merangkumi beberapa jenis alunan *burdah* dalam pembacaan beliau tertentu iaitu:

1. Burdah kasar dan jarang-jarang
2. Burdah keras serta licin.

Keadaan ini begitu jelas sekali ketika beliau mengalunkan sesuatu pada Qit'ah dan Mahattah tertentu (Alauddin Abdul Hak, 2008).

Kesimpulan

Seperti mana yang kita sedia maklum di Malaysia, Kedah adalah negeri pertama dalam yang menerima kedatangan Islam dan merupakan pusat perkembangan al-Quran di rantau ini. Secara tidak langsung Kedah merupakan negeri terawal yang menjadi perintis kepada seni bacaan al-Quran sejajar dengan perkembangan al-Quran itu sendiri. Hal ini boleh dilihat di mana kebanyakan *qari-qari* yang terkemuka sama ada di peringkat kebangsaan atau peringkat antarabangsa berasal dari negeri Kedah. Pencapaian ini boleh dilihat dalam beberapa majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan serta antarabangsa, yang dianjurkan setiap tahun oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Personaliti seperti Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah adalah antara qari-qari yang merupakan penyumbang kepada perkembangan seni lagu al-Quran, khususnya di Kedah. Beliau merupakan qari di awal perkembangan seni bacaan al-Quran di Kedah semasa aliran *Misri* diperkenalkan di Kedah pada era 1960-an, juga qari bertaraf antarabangsa yang memainkan peranan penting dalam pembangunan seni lagu al-Quran dari pelbagai aspek sama ada sebagai qari, guru al-Quran, hakim pertandingan atau panel dan fasilitator dalam kursus-kursus dan seminar-seminar yang berkaitan dengan al-Quran. Penglibatan dan gaya bacaanya kini telah meninggalkan legasi yang besar kepada generasi hari ini di negara kita khususnya negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia dalam memartabatkan warisan seni lagu al-Quran.

Rujukan

- Abdullah Afendi Ismail (1965). *Kedah Dari Segi Sejarah*, Alor Setar: Pustaka Antara, 11.
- Ahmad Jelani Halimi (1990). "Kemasukan Islam Ke Kedah", dalam *Islam Di Kedah Darulaman*, (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 1990), h.10-11.
- Alauddin Abdul Hak (2008, Februari 24). *Biografi Dato' Abdul Hak dan Gaya Pembacaan [Temubual]*.
- Buyong Adil (1980). *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h.7.

Dato' Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah (2007, November 7). Biografi dan Gaya Pembacaan Al-Quran [Temubual].

Dato' Haji Kasim Ahmad (2007, November 2). Majlis Tilawah Al-Quran Negeri Kedah [Temubual].

Dato' Ahmad Nordin Mohd Zain (t.t). "Pertandingan Membaca Al-Quran Dalam Sejarah Tanah Melayu" dalam *Islam Di Kedah Darulaman*, (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 1990), h.17.

In team Record Sdn.Bhd. (2007). "Nur Wahyu Edisi Lagenda : Oleh Tuan Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdulah", Vol.2.Cd.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2007). Johan Qari Dan Qariah Malaysia, Cetakan Pertama, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad, h.29.

Majlis Agama Islam Kedah (2007). *Buku Cenderahati Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kedah Darul Aman 1428H/2007*, Alor Setar: Percetakan Nasional Berhad, h29-30.

Mohd Nasir Mohd Zain (1990). Tokoh Qari: Tuan Haji Abdul Hamid Bin Desa Peranan Dan Sumbangannya Dalam Bacaan Al-Quran Di Dalam Negeri Kedah, Projek Ilmiah, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, h 57.

Mohd Zaini Zakaria (2009). *The Art of Quranic Recitation*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad (1968), *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 20.

Nada Murni Sdn.Bhd. (t.t), Hj.Abd.Ghani Abdulah Pembacaan Al-Quran Berlagu, Vol.1.Kaset.